

13 OCT 2001

Abdullah-Muda

MUDA-MUDI MELAYU PERLU HAYATI PEMIKIRAN DAN DASAR DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyarankan golongan muda Melayu supaya menghayati dasar-dasar dan pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha membangunkan bangsa Melayu.

Timbalan Perdana Menteri berkata dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir banyak membantu mewujudkan keyakinan yang tinggi di kalangan masyarakat Melayu untuk terus bersaing dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa.

"Sebelum ini banyak kenyataan-kenyataan dan tindakan yang diambil oleh Dr Mahathir jika dilihat dalam konteks secara tersendiri, anak-anak muda mungkin tidak akan dapat memahaminya.

"Tetapi jika dilihat secara menyeluruh mengenai cara kepimpinan Dr Mahathir maka mereka akan dapat melihat sesuatu yang dicita-cita oleh beliau agar menjadikan orang Melayu sebagai bangsa yang mempunyai keyakinan yang tinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pemikiran Dr Mahathir Untuk Generasi Muda di sini, hari ini.

Seminar sehari itu adalah anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) cawangan Wangsa Maju dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

"Dr Mahathir rasa orang Melayu dan Malaysia boleh mencapai kejayaan. Oleh sebab itu beliau berkata slogan Malaysia Boleh...Melayu Boleh, dengan sendirinya melahirkan satu semangat dan juga kekuatan untuk membantu orang Melayu ke arah mencapai kejayaan," kata Abdullah.

Abdullah turut berharap generasi muda yang ada sekarang tidak terus menghakimi pemimpin negara berasaskan kepada apa-apa yang berlaku kebelakangan ini.

"Ini terutamanya dalam situasi begitu banyak kecaman oleh parti pembangkang yang menimbulkan rasa benci di kalangan anak muda. Itu sebenarnya boleh memberi pandangan yang tidak betul terhadap pemimpin kita," katanya.

Abdullah berkata adakalanya Perdana Menteri agak tegas dalam menyuarakan pandangannya terhadap generasi muda Melayu khususnya kerana Dr Mahathir mahukan mereka sedar dan tidak alpa.

"Kadang-kadang beliau mungkin membuat kenyataan-kenyataan yang bunyinya agak keras. Pelajar-pelajar kita, beliau lihat sebagai satu aset bangsa yang amat penting peranannya dalam pembangunan masyarakat," jelas beliau.

Beliau juga diminta mengulas dakwaan Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat bahawa Malaysia sebenarnya tidak aman dan hanya kelihatan aman kerana pihak tertentu dihalang mengadakan demonstrasi dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata jika kerajaan tidak menghalang demonstrasi maka Malaysia tidak akan aman.

"Betullah tindakan kerajaan...hentikan demonstrasi negara kita aman dan selamat," katanya.

Abdullah berkata fahaman Nik Aziz ialah negara akan menjadi aman jika kerajaan membenarkan demonstrasi.

-- BERNAMA

FA ZS PR